



NOTIS IKLAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Bekalan & Perkhidmatan** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

| No. Ruj. Sebut Harga | Tajuk Sebut Harga | Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub- Kepala | Yuran Dokumen (RM) | Jenis Tawaran | Tarikh Mula Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga | Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga | Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga |
|--------------------------|---|--|--------------------|---------------|---|--|--|
| STIDC/ SH/04/ 2024 | Sebut Harga Pembekalan dan Pemasangan Power Module di Bilik Server PUSAKA | Supply and Services Kategori : C Kepala : IV Sub- kepala : 8 | 50.00 | Terbuka | 2 Disember 2024 | 9 Disember 2024 @ 12:00 tengah hari | 9 Disember 2024 @ 12:00 tengah hari |

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERIA** (Jika Berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada kontraktor yang layak.
3. Bayaran yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Tunai** atau **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** dan kaedah pembayaran lain yang dibenarkan oleh **Badan Berkanun** yang dibayar atas nama **SARAWAK TIMBER INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION**.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **2 Disember 2024 sehingga 9 Disember 2024** pada waktu pejabat di alamat **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Wisma Sumber Alam, Blok Podium, 93702 Petra Jaya, Pejabat Bahagian Pentadbiran, Seksyen Perolehan dan Perkhidmatan**.

| <u>Hari</u> | <u>Waktu</u> |
|----------------|--|
| Isnin – Khamis | 8:30 pagi – 12:00 tengah hari 2:00 petang – 4:00 petang |
| Jumaat | 8:15 pagi – 11:00 pagi 2:15 petang – 4:00 petang |

5. Penyebut Harga adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup yang** ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga pada hari Sebut Harga ditutup.
6. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12:00 tengah hari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak
Wisma Sumber Alam, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching,
P.O Box 194, 93702 Kuching, Sarawak.

7. Badan Berkanun **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya penyebut harga gagal / lewat untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
8. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.



9. **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

Timbalan Pengurus Besar
b.p Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)

Tarikh: 28 NOVEMBER 2024